

Kerajaan masih yakin dasar penswastaan: PM

BH 28 AUG 2001

Penswastaan banyak memberi sumbangan kepada kepesatan pembangunan Malaysia sejak mula dilaksanakan pada 1983

Oleh Saidon Idris

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan masih berkeyakinan bahawa penswastaan mampu menyumbang kepada pembangunan negara serta kesejahteraan rakyat walaupun beberapa projek yang diswastakan sebelum ini mengalami kegagalan.

Perdana Menteri berkata, penswastaan sejak dilaksanakan pada 1983 memberikan banyak sumbangan kepada kepesatan pembangunan Malaysia sementara rakyat hanya membayar kos yang kecil bagi menikmati kemudahan yang biasanya hanya diperoleh di negara maju.

Dalam ucapan di Persidangan mengenai Dasar Wawasan Kebangsaan, Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) dan Penswastaan di Petaling Jaya, semalam, Dr Mahathir menegaskan, bagaimanapun, penswastaan, sebagai mana dasar memiliknegerakan adalah tidak sempurna.

Beliau berkata, jika diuruskan dengan baik dasar penswastaan menghasilkan kejayaan.

"Bagaimanapun syarikat yang diswastakan seperti juga syarikat lain boleh gagal dan beberapa syarikat sedemikian di Malaysia gagal berikutan kelembapan ekonomi pada 1997 dan 1998.

"Ia juga boleh gagal kerana orang yang terbabit (dalam pelaksanaan) tidak cekap," katanya.

Perdana Menteri berkata, bagaimanapun kerajaan tidak akan lepas tangan dalam hal ehwal

syarikat yang diswastakannya.

Beliau menegaskan, terdapat banyak faktor yang perlu dipertimbangkan kerajaan termasuk kebajikan pekerja dan kepentingan awam.

"Bagi membiarkan syarikat itu tutup atau dijual kepada mereka yang hanya mahu mendapatkan harga pembelian yang baik dan membuat keuntungan hanya mendatangkan masalah ekonomi dan sosial yang buruk.

"Oleh kerana itulah maka dalam beberapa kes kerajaan memutuskan membantu atau mengambil alih semula syarikat yang diswastakan," katanya.

Dr Mahathir berkata, di sebalik beberapa kegagalan itu, kerajaan masih yakin terhadap dasar penswastaan.

"Mengambil iktibar daripada kegagalan itu, kerajaan kini lebih berhati-hati. Penswastaan lebuhraya (sebagai contoh) akan dilakukan selepas rakyat diberikan peluang untuk menyuarakan pandangan mereka.

"Jika rakyat tidak bersedia membayar kadar tol yang diberi subsidi, lebuhraya itu hanya akan dibina apabila kerajaan mempunyai dana mencukupi," katanya.

Perdana Menteri, turut menafikan terdapatnya unsur kroni dalam penswastaan.

"Mereka yang menuduh itu adalah dipelawa untuk membayar harga menyiapkan lebuhraya dan mengenakan kadar tol yang rendah. Saya yakin pemegang konsesi sedia ada akan bergembira untuk memperoleh kembali wang dan membayar semula hu-

tang mereka," katanya.

Mengenai penswastaan hospital dan universiti, Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak mahu mengabaikan tanggungjawabnya kepada rakyat tetapi melainkan hospital dan universiti diswastakan, kerajaan tidak mampu mengekalkan kakitangan perubatan dan tenaga pengajar berdasarkan kepada skel gaji kerajaan yang sedia ada.

Beliau berkata, oleh kerana kerajaan tidak boleh menaikkan skel gaji kumpulan itu tanpa mencetuskan permintaan bagi bayaran lebih tinggi oleh ham-

pir sejuta kakitangan sektor awam lain maka hospital moden baru dan universiti yang sedang dibina dijangkakan tidak akan mempunyai doktor dan kakitangan pengajar yang mencukupi.

"Ini adalah dilema yang dihadapi kerajaan. Malah negara maju dengan skim kesihatan kebangsaan memaksa rakyatnya memberi sumbangan kepada skim seumpama itu.

"(Bagaimanapun) Malaysia bukan sebuah negara maju, tetapi perubatan adalah percuma atau hanya mengenakan bayaran yang kecil," katanya.